



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.80 / 2018

HARI PENAMAAN CALON BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.132 PORT DICKSON

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan tarikh Hari Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.132 Port Dickson diadakan pada **Sabtu, 29 September 2018**. Pusat Penamaan Calon bagi PRK tersebut adalah bertempat **di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson**.
2. Tempoh masa untuk mengemukakan Kertas Penamaan Calon bermula dari jam **9.00 pagi hingga 10.00 pagi**. Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dengan betul boleh dikemukakan kepada Pegawai Pengurus oleh salah seorang daripada berikut:
 - i) calon dan pencadang dan penyokong;
 - ii) mana-mana dua orang daripada mereka; atau
 - iii) mana-mana seorang daripada mereka.
3. SPR mengingatkan bakal-bakal calon yang hendak membayar Deposit Pilihan Raya iaitu sebanyak **RM10,000** boleh berbuat demikian secara **bank draf** atau secara **tunai** kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya atau Pengarah Pilihan Raya Negeri Sembilan. Bayaran tersebut boleh juga dibuat sebelum Hari Penamaan Calon dan mereka perlu membawa resit berkenaan pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti bayaran.
4. Selain itu, bagi bakal-bakal calon yang bertanding mewakili parti politik, mereka diingatkan supaya membawa **surat kebenaran** daripada parti yang membenarkan mereka menggunakan simbol parti.

5. Untuk memastikan proses penamaan calon berjalan dengan aman, harmoni serta tidak ada gangguan, semua pihak diminta supaya sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6. Seksyen 24A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] memperuntukkan mengenai perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan semasa Hari Penamaan Calon seperti penggunaan alat muzik/pembesar suara bagi tujuan diayah politik melalui apa-apa cara termasuk menerusi penggunaan kenderaan.

7. Orang ramai juga adalah dilarang menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan pusat penamaan calon. Jika ada mana-mana pihak yang melanggar peruntukan seksyen ini tindakan undang-undang boleh dikenakan.

8. SPR berharap proses penamaan calon akan berjalan lancar dan tidak mengganggu ketenteraman serta keselamatan awam.

Sekian dan terima kasih.

DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 27 September 2018 / 17 Muharam 1440H